

UniSZA, SK Gong Badak raih anugerah cemerlang

GONG BADAK - Sekolah Kebangsaan (SK) Gong Badak dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) meraih anugerah kecemerlangan kategori akademik pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Jalinan Sekolah Kluster Kecemerlangan dengan Universiti Awam (SKK UA).

Majlis yang bertujuan untuk menghargai kecemerlangan program berkenaan mula diperkenalkan Fasal 1 pada 2008 hingga Fasal 9 pada 2015.

Timbalan Naib Canselor (akademik & antarabangsa) UniSZA, Prof Dr Mahadzirah Mohamad berkata, SK Gong Badak merupakan wakil tunggal daripada SK yang menerima anugerah pada majlis itu berbanding penerima lain yang merupakan sekolah menengah.

"Sebanyak 13 buah sekolah telah ditindik ke UniSZA selama tempoh tersebut dan SK Gong Badak pula telah dikhaskan kebitaraan akademik (Bahasa Melayu) dan kokurikulum

(Memanah).

"Sepanjang tempoh itu juga, SK Gong Badak telah menganjurkan pertandingan pidato Bahasa Melayu, bicara berirama peringkat kebangsaan dan meraih johan skrip bicara berirama, naib johan konduktor terbaik, ke-3 persembahan terbaik dan ke-4 pidato Bahasa Melayu serta beberapa kemenangan lain," katanya.

Katanya lagi, beberapa penganjuran turut dilaksanakan di UniSZA kepada murid SK Gong Badak dan hasil penganjuran tersebut, sekolah itu telah mendapat hasil berimpak tinggi dengan seratus peratus lulus Bahasa Melayu Pemahaman Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2015.

Pada majlis itu, sebanyak 11 anugerah telah diberikan mengikut kategori kepada SKK UA yang berjaya antaranya akademik, kokurikulum, pengkomersialan, inovasi dan rekacipta, amalan terbaik, pengantarabangsaan, kemasyarakatan serta anugerah Tokoh Penyelaras UA dan SKK.